

Malaysia mampu capai unjuran KDNK 5 peratus
Utusan Online
October 17, 2011

PULAU PINANG 16 Okt. - Malaysia mampu mencapai unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) lima peratus tahun ini meskipun berlaku kelembapan ekonomi di Eropah dan Amerika Syarikat (AS).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata, pelaksanaan beberapa projek infrastruktur pada suku kedua tahun ini dijangka memberi perkembangan positif kepada ekonomi negara.

"Unjuran sebanyak lima peratus itu adalah unjuran positif khususnya dalam keadaan ketidaktentuan ekonomi di seluruh dunia.

"Secara purata, gabungan kadar pertumbuhan ekonomi penggal pertama dan kedua dapat mencapai lima peratus kerana pada penggal kedua tahun ini banyak projek akan dimulakan, sekali gus membantu menjana ekonomi negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) membuat semakan terhadap unjuran pertumbuhan ekonomi negara 2011 kepada 4.6 peratus berbanding 5.2 peratus sebelumnya.

Nor Mohamaed ditemui selepas merasmikan bangunan baru Pusat Perubatan Gleneagles di sini hari ini.

Turut hadir Pengerusi Pusat Perubatan Gleaneagles, Datuk Seri Dr. Goh Eng Toon.

Nor Mohamed berpendapat bukan satu isu besar jika unjuran ekonomi ditetapkan dalam lingkungan antara lima peratus ke 4.8 peratus ketika ekonomi AS dan Eropah masih belum stabil.

"Perkara ini perlu dilihat daripada sudut positif kerana dari dahulu lagi kita cuba untuk tidak terlalu bergantung dengan negara-negara maju dalam urusan eksport dan import tetapi beralih kepada negara Asia seperti China dan India," katanya.

Nor Mohamed Yakcop juga memberitahu Malaysia mampu menjadi destinasi pilihan bagi perkhidmatan penjagaan kesihatan bertaraf dunia memandangkan jumlah rakyat asing yang berkunjung ke negara ini untuk tujuan perubatan semakin meningkat.

Menurutnya pertambahan itu berlaku ekoran perkembangan yang baik dalam sektor perubatan negara.

Jelasnya, ia telah menarik minat rakyat asing terutamanya dari Eropah, Asia Barat, Australia, Sri Lanka dan China yang mencari perkhidmatan penjagaan kesihatan terbaik dan berpatutan berkunjung ke negara ini.

Katanya, perkembangan yang berlaku itu juga secara tidak langsung mampu memberi sumbangan kepada dasar transformasi negara.

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1017&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_16.htm